

Lelaki mengaku salah curi sandal dan sabit, 22 Okt sebutan lanjut kes

MIRI: Mahkamah Sesyen di sini, semalam menetapkan 22 Oktober ini untuk sebutan lanjut kes seorang lelaki yang mengaku bersalah atas tuduhan mencuri.

Manakala tertuduh dibenarkan dibebaskan dengan jaminan RM2,000 berserta seorang penjamin tempatan sementara menunggu tarikh tersebut.

Penetapan tarikh itu dibuat Hakim Azreena Aziz setelah membenarkan permohonan

pegawai pendakwa ASP Koay Kok Ping yang memohon ditetapkan satu tarikh baharu bagi membolehkan kes itu disebut lanjut di Mahkamah Majistret Batu Niah.

Azizul Ismail dari Kampung Pengkalan Lobang, Niah telah didakwa mengikut Seksyen 379 Kanun Keseksamaan yang memperuntukkan hukuman penjara hingga tujuh tahun atau denda atau kedua-duanya sekali, jika

sabit kesalahan.

Menurut pertuduhan kes, tertuduh telah didakwa melakukan kecurian dengan mencuri sepasang sandal dan sebilah sabit kepunyaan Ahmad Sufiannudin Hakim Ali, 30.

Dia didakwa melakukan kesalahan itu pada jam 9.35 malam, 9 Oktober lalu di sebuah rumah tidak bernombor di Kampung Pengkalan Lobang, Niah.